

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN : Datuk Juslie bin Ajirol minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan FAMA dalam menawarkan dan memasarkan barang basah dan buah-buahan yang berkualiti dan harga munasabah sebagai memenuhi keperluan harian rakyat tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Peranan FAMA dalam menawar dan memasarkan barang basah dan buah-buahan yang berkualiti pada harga yang munasabah adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan setiap buah-buahan dan sayur-sayuran yang dikeluarkan mestilah digred, dibungkus dan dilabel. Ini adalah sejajar dengan peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008;

- (ii) Memastikan petani yang menyertai Program Ladang Kontrak mengeluarkan produk yang berkualiti dan mengikut kehendak pasaran sebagaimana *Forward Agreement* iaitu perjanjian yang telah ditandatangani. Pada tahun 2014, sebanyak 345 *Forward Agreement* telah ditandatangani melibatkan seramai 603 orang petani;
- (iii) Membuka lebih banyak luang pasaran untuk petani memasarkan hasil pertanian secara terus melalui pembukaan pelbagai outlet pasaran. Outlet tersebut adalah seperti berikut:

Outlet	Bilangan outlet	Bilangan usahawan (orang)	Nilai Jualan (RM juta)
Pasar Tani	580	25,697	63.52
Karavan Tani	140	140	1.30
Agro Bazaar	316	316	18.25
Kedai Rakyat			
Gerai Buah-buahan Segar	516	455	12.31
PAKAR	8	2,888	4.59
Agrobazaar K-Shoppe	154	154	12.88
JUMLAH	1,714	29,650	112.85

*sehingga Januari 2015

- (iv) Menganjurkan pelbagai program pendidikan pemasaran seperti seminar, kursus, taklimat dan dialog bagi meningkatkan kualiti produk dan menjual mengikut gred-gred yang ditetapkan. Pada tahun 2014, seramai 1,846 orang peserta telah menyertai 49 program tersebut; dan

- (v) Membuat belian terus produk-produk daripada petani melalui program Ladang Kontrak. Pada tahun 2014, sebanyak 56,624 MT sayur-sayuran dengan nilai RM 113.25 juta dan buah-buahan sebanyak 47,141 MT dengan nilai RM94.28 juta